

Kastam sita 42 kenderaan mewah

Johor Bahru: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor menyita 42 kenderaan mewah dan menumpaskan sindiket pengedaran minuman keras tidak bercukai dengan nilai keseluruhan rampasan termasuk cukai melebihi RM36.9 juta dalam dua operasi berasingan sejak 5 Januari lalu.

Pengarah Kastam Johor, Aminul Izmeer Mohd Sohaimi berkata, Bahagian Penguatkuasaan JKDM telah melaksanakan 341 pemeriksaan merangkumi premis gudang berlesen serta rondaan darat me-

nerusi operasi khas Ops Terma sehingga 6 Februari lalu.

Beliau berkata, daripada 21 kes yang dibuka dalam Ops Terma, 42 kenderaan mewah pelbagai jenama disita dengan anggaran nilai RM7,663,970 manakala cukai terlibat berjumlah RM14,368,334.

"Jumlah keseluruhan nilai dan cukai bagi kes ini adalah RM22,032,304. Sebanyak empat tangkapan turut dibuat membabitkan pemilik syarikat warga tempatan berumur lingkungan 40 hingga 50 tahun," katanya pada sidang media



AMINUL Izmeer (dua dari kiri) menunjukkan beberapa kenderaan mewah yang disita.

di Menara Kastam Johor di sini, semalam.

Kes disiasat di bawah peruntukan Seksyen 65, Seksyen 75 dan Seksyen

135(1)(d) Akta Kastam 1967. Ops Terma turut menyasarkan kenderaan yang diimport secara tidak sah termasuk dari Singapura yang

dibawa masuk tanpa permit import sah di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.